



# **PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**

**KERATAN AKHBAR  
20 JUN 2019 (KHAMIS )**



**DISEDIAKAN OLEH :  
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT**



## KERATAN AKHBAR 20 JUN 2019 (KHAMIS)



AKHBAR	BERITA HARIAN
TAJUK BERITA	Selangor kecualkan denda cukai petak bangunan strata
MUKA SURAT	68

Ms.68 C/MN Khamis, 20 Jun 2019 BH

→ SENTRAL

# Selangor kecualkan denda cukai petak bangunan strata

➔ Pemilik hartanah nikmati pengecualian selama tiga bulan sehingga 31 Ogos

**Oleh Rafidah Mat Ruzki**  
fidahruzki@bh.com.my

▀ Shah Alam

**P**emilik hartanah berstrata di Selangor kini menikmati tempoh pengecualian denda bayaran cukai petak selama tiga bulan bermula 1 Jun lalu sehingga 31 Ogos ini.

Menteri Besar, Amirudin Shari, berkata dengan pengecualian denda selama tiga bulan itu, pemilik hartanah strata dinasihatkan merebut peluang berkenaan sebelum tempoh tiga bulan itu tamat bagi mengelakkan mereka daripada dikenakan fi denda lewat membayar cukai petak.



Amirudin Shari

Beliau berkata, kerajaan Selangor menguatkuasakan pengenaan fi dan kadar cukai petak bagi skim pembangunan berstrata secara berkomputer di seluruh negeri itu sejak 1 Jun tahun lalu.

**Bantu rakyat di Selangor**

Katanya, keputusan itu menjadikan Selangor negeri pertama di negara ini yang menjalankan kutipan cukai petak.

"Pelaksanaan cukai petak bagi skim pembangunan berstrata bertujuan untuk membantu rakyat Selangor menyelesaikan pelbagai masalah yang dihadapi oleh pemilik hartanah berstatus strata dengan Perbadanan Pengurusan (MC) yang membatitkan urusan cukai.

**Mudahkan pemilik petak**

"Ini lebih memudahkan pemilik petak untuk melakukan sebarang urusan jual beli bagi hartanah ber-skim strata, selain mewujudkan akses langsung antara pemilik hartanah membayar cukai secara terus kepada Pejabat Tanah dan Daerah.

"Bersempena bulan Syawal ini, Kerajaan Selangor melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) Bilangan 11 Tahun 2019 memutuskan untuk mengecualkan denda bayaran cukai petak yang akan dilaksanakan bagi tempoh tiga bulan bermula dari 1 Jun lalu sehingga 31 Ogos ini," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Amirudin berkata, pengumuman itu adalah satu bentuk insentif dan hadiah hari raya kepada semua rakyat Selangor yang memiliki hak milik strata, selain menggalakkan pembayaran cukai petak demi kelangsungan pembangunan negeri yang holistik selaras dengan agenda 'Selangor Maju Bersama'.

AKHBAR	STAR METRO
TAJUK BERITA	Idle land a bane to residents
MUKA SURAT	4



The unkempt vacant lots in Taman Ampang Utama have attracted snakes and other wildlife.

## Idle land a bane to residents

Homeowners worry unkempt lots attract wildlife, Aedes mosquitoes

By SHALINI RAVINDRAN  
shaliniravindran@thestar.com.my

RESIDENTS in Taman Ampang Utama, Ampang, are upset with owners of 15 plots of land who have left their properties idle and neglected there.

The owners' neglect has led to overgrown grass at the site and some residents said snakes and other wildlife had appeared in their homes and compounds.

There are no hoardings or fencing around the abandoned land.

Resident Edwin Silvester is worried that the unkempt area could be a breeding ground for Aedes mosquitoes.

"All three of my children had dengue within 18 months.

"Almost every household here had dengue and nothing is being done about it

"At the very least, Ampang Jaya Municipal Council (MPAJ) should take action against these landowners," he said, adding that it had been more than five years since the land was left neglected.

Edwin said MPAJ workers fogged the area several times, but it was pointless if the root cause was not addressed.

He said pythons and monitor lizards had emerged from the land overgrown with vegetation.

A diplomat with the High Commission of the Republic of Zambia in Malaysia first secretary (Education) Musangu Muzaza said he saw two large pythons in the housing area.

Musangu, who has lived here for



Musangu says he has seen two large pythons in his housing area.

the past six years, was worried about the safety of his four young children.

"These snakes can enter our compounds through the drains. "I warned the neighbours before the snakes disappeared into the undergrowth," he said.

Musangu added that with other embassies and high commissions in the area, the unsightly mess would leave a bad impression on visitors.

Olivia Virginia Jalleh, 70, said they had to call the Civil Defence Force several times when baby pythons and a cobra entered her house.

"The empty lot opposite our home has not been cleared in the past 10 years.

"The owners must clean up their properties and the authorities must ensure this is done," she said.

MPAJ press relations officer



Some homeowners put up barbed wires around their property to deter animals from entering their compounds.

Norhayati Ahmad said some reasons privately-owned properties end up being unoccupied for years is because of inheritance issues or the owners have emigrated elsewhere.

According to MPAJ records, there are over 400 landed properties and 88 vacant lots within the municipality that were unoccupied and neglected for at least 10 years.

These figures do not include strata properties.

Norhayati said MPAJ could only enter the property if it received a complaint.

"A team will be sent to check on it.

"We will identify the property owner and issue a 14-day notice to them to clean up the compound.

"If there is no action or if the

owners cannot be traced, the council will send in a team to clear the premises," she said, adding that the cost for cleaning would reflect in the property owner's assessment bill.

Notices fall under Section 82 of the Local Government Act 1976 and compounds of up to RM500 would be issued for failure to comply.

"On top of that, we have to use ratepayers' money to clean these areas," Norhayati said, adding that it was difficult to track down the owners, as most of them use the respective lot as the registered address.

"After three months, we still have to clear the compound again, and this is not sustainable," she said.





## KERATAN AKHBAR 20 JUN 2019 (KHAMIS)



AKHBAR	STAR METRO
TAJUK BERITA	Thorny situation for illegal durian sellers
MUKA SURAT	4

# Thorny situation for illegal durian sellers

By GRACE CHEN  
gracechen@thestar.com.my

LOOKING for an easy way to dispose of a load of durian skins, two illegal hawkers thought they could get away with dumping them by the roadside.

However, the Kuala Langat District Council (MDKL) enforcement officers from the Bandar Saujana Putra branch were observing their every move.

Led by enforcement branch head Wan Putara Noor Shahan Ngadirin,

the two hawkers were caught red-handed in Jalan SP1 after nearly five hours of surveillance work.

MDKL president Mohamad Zain A Hamid said the operation was conducted following repeated incidents of illegal dumping of durian skins.

For their mistake, the hawkers' properties were confiscated under the Solid Waste and Public Cleansing Management Act 2007.

The two men were also slapped with notices for operating without a licence.



Two durian sellers were nabbed for illegal dumping and operating their business without a licence in Jalan SP1.

Traders looking to cash in during the durian season can do it legally with permits at commercial sites set up by the council in Jalan SP1, SP4 and SP8 in Bandar Saujana Putra.

As illegal dumping was on the rise, Mohamad Zain said MDKL considered taking the matter

to court.

If found guilty, the two hawkers could be fined up to RM2,000. "MDKL will mobilise its enforcement unit to curtail illegal rubbish dumping on a regular basis.

"We hope the community will keep us informed of such activities," he said.

<b>AKHBAR</b>	<b>STAR METRO</b>
<b>TAJUK BERITA</b>	<b>New landmark in 'heart of Selangor's Golden Triangle'</b>
<b>MUKA SURAT</b>	<b>7</b>

STARMETRO, THURSDAY 20 JUNE 2019 Events 7




Sultan Sharafuddin (centre) and Tengku Permaisuri Norashikin (second from left) taking a tour of Central i-City. With them are CPN advisory board chairman Sudhitham Chirathivat (second from right) and Amirudin (right). — Photos: SAM THAM/The Star

Central i-City offers 940,000sq ft of retail space with more than 350 stores on six levels.

By JADE CHAN  
jade@thestar.com.my

## New landmark in 'heart of Selangor's Golden Triangle'

### State government banking on mall to stimulate economy

THE opening of Central i-City shopping centre in i-City, Section 7, Shah Alam, marks another step towards realising the state government's efforts of making Selangor a smart state by 2025, says Menteri Besar Amirudin Shari.

"This mall adds value to Shah Alam and its surrounding areas and contributes towards making i-City Selangor's Golden Triangle," he said.

"We are a pro-business and pro-industry state. All our policies, including transparency and good governance, are to facilitate investments, particularly in the Golden Triangle area."

Amirudin was speaking after the launch of the RM850mil Central i-City. The event was also attended by Sultan of Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah and Tengku Permaisuri Selangor Tengku Permaisuri Norashikin.

Amirudin expressed hope that the developer would increase the level of services at the mall to make the state capital more vibrant and attractive to all levels of society.

Central i-City would serve as a new landmark for Shah Alam and the state, he added.

"What is interesting is that this project is a joint venture between a local company and a well-established developer from Thailand.

"This project would attract more investments to Selangor as well as offer additional job opportunities and facilities such as commercial lots and an upcoming international hotel that would contribute towards stimulating the economy in Shah Alam and Klang."

Central i-City is the first international project by Central Pattana Public Company Ltd (CPN), said to be Thailand's largest retail developer. The shopping centre offers 940,000sq ft of retail space with more than 350 stores across six levels.

CPN is a 60% stakeholder in the joint venture with i-City Properties Sdn Bhd, a subsidiary of property development company i-Bhd.

CPN Thailand president and chief executive officer Preecha Ekkunagul said the company was confident that the lifestyle and shopping destination could play a key role in the long-term vision of Selangor, in line with i-City being identified as the heart of Selangor's Golden Triangle and its importance in the state's future economic growth, innovation and development.





## KERATAN AKHBAR 20 JUN 2019 (KHAMIS)



AKHBAR	SINAR HARIAN
TAJUK BERITA	Tekad Menteri Besar Selangor
MUKA SURAT	19

# Tekad Menteri Besar Selangor



FOTO: FACEBOOK AMIRUDIN SHARI

*Berazam tingkat hasil negeri, memberdayakan rakyat*

ASYRAF MUHAMMAD

SHAH ALAM

**B**ersempena setahun pentadbirannya di Selangor, Menteri Besar, Amirudin Shari berazam untuk meningkatkan pencapaian negeri dan memberdayakan rakyat di negeri ini menerusi pro-

gram Inisiatif Peduli Rakyat (IPR).

Amirudin berkata, selain itu, beliau juga berhasrat untuk mensejahterakan negeri ini dengan suasana damai dan sentosa.

Bagi mencapai hasrat tersebut, beliau berkata, sokongan dan dokongan padu daripada penjawat awam, kakitangan swasta dan kepimpinan kerajaan negeri di seluruh peringkat amat diharapkan.

"Setahun yang lalu, saya telah diberikan amanah untuk menggalas tanggungjawab sebagai Mente-

ri Besar Selangor ke-16.

"Saya amat mengalu-alukan maklum balas serta cadangan terutama daripada rakyat agar pentadbiran akan sentiasa mengutamakan agenda kemakmuran bersama," katanya menerusi kemas kini di Facebooknya semalam.

Pada 19 Jun tahun lalu, Amirudin telah dilantik menjadi Menteri Besar Selangor ke-16 bagi menggantikan penyandang jawatan itu, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali.

Mohamed Azmin melepaskan jawatan tersebut

apabila Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad melantik beliau sebagai Menteri Hal Ehwal Ekonomi di peringkat Kerajaan Persekutuan.

Dalam pada itu, Amirudin juga berharap beliau diberi kekuatan serta kebijaksanaan bagi meneruskan usaha untuk memakmurkan negeri itu.

"Semoga kita kekal seiringan dalam usaha merealisasikan agenda Selangor Maju Bersama," katanya.

Amirudin mengangkat sumpah sebagai Menteri Besar Selangor ke-16 pada 19 Jun 2018 menggantikan Mohamed Azmin.



AKHBAR	SINAR HARIAN
TAJUK BERITA	PBT diingat tingkat kualiti perkhidmatan
MUKA SURAT	19

## ***PBT diingat tingkat kualiti perkhidmatan***

SELAYANG - Pihak berkuasa tempatan (PBT) diingatkan supaya meningkatkan kualiti perkhidmatan dengan tidak bergantung sepenuhnya kepada aduan.

Menteri Besar, Amirudin Shari berkata, laporan pengurusan perlu menyeluruh termasuk daripada maklum balas penduduk.

“Penilaian laporan kerajaan tidak hanya berpandukan laporan pihak pengurusan tetapi mengambil kira maklum balas daripada rakyat yang menerima perkhidmatan.

“Ia termasuk pembayar cukai yang diberikan perkhidmatan dan penyampaian daripada PBT dan kerajaan negeri,” katanya ketika berucap di majlis Rumah Terbuka Aidilfitri Majlis Perbandaran Selayang (MPS), di Bandar Baru Selayang semalam.

Amirudin berkata, kerajaan negeri akan menterjemahkan kualiti perkhidmatan awam negeri berdasarkan pencapaian semasa.

“Bermula tahun ini pemberian bonus adalah berdasarkan penilaian prestasi semasa berbanding sistem pemarkahan yang dibuat sebelum ini.

“Kita akan berikan ganjaran (bonus) sehingga maksimum tiga



Amirudin (tengah) bergambar bersama rakyat ketika menghadiri Rumah Terbuka Aidilfitri MPS semalam.

bulan gaji kepada penjawat awam kerana kita percaya melalui kaedah ini mampu memberikan motivasi kepada mereka untuk melaksanakan tugas,” katanya.

Rumah Terbuka Aidilfitri MPS turut dihadiri Timbalan Yang Dipertua MPS, Datuk Dr Juhari Ahmad dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Rawang, Chua Wei Kiat.

**Penilaian laporan kerajaan tidak hanya berpandukan laporan pihak pengurusan tapi ambil kira maklum balas rakyat.” - Amirudin**





## KERATAN AKHBAR 20 JUN 2019 (KHAMIS)



AKHBAR	SINAR HARIAN
TAJUK BERITA	Selangor umum pengecualian denda cukai petak
MUKA SURAT	19

### Selangor umum pengecualian denda cukai petak

SHAH ALAM - Kerajaan Selangor melalui Mesyuarat Majlis Kerajaan Negeri (MMKN) telah memutuskan untuk mengecualikan denda bayaran cukai petak yang dilaksanakan bagi tempoh tiga bulan bermula 1 Jun lalu hingga 31 Ogos depan.

Menteri Besar Selangor, Amirudin Shari berkata, langkah tersebut merupakan satu insentif dan hadiah hari raya kepada semua rakyat di negeri itu yang memiliki hak milik strata.

Beliau berkata, langkah itu juga adalah bagi menggalakkan pembayaran cukai petak demi kelangsungan pembangunan negeri yang lebih holistik selaras dengan agenda Selangor Maju Bersama.

“Oleh itu rakyat di negeri ini khususnya pemilik berstrata digesa untuk merebut peluang ini bagi mengelakkan daripada dikenakan fi denda lewat,”

katanya dalam satu kenyataan semalam.

Mengulas lanjut, Amirudin berkata, pada 1 Jun 2018 lalu, Selangor telah menjadi negeri pertama menjalankan kutipan cukai petak bagi skim pembangunan berstrata di negeri itu.

Beliau berkata, pelaksanaan cukai petak bagi skim pembangunan berstrata bertujuan membantu rakyat Selangor menyelesaikan pelbagai masalah yang dihadapi oleh pemilik hartanah berstatus strata dengan Perbadanan Pengurusan (MC) yang melibatkan urusan cukai.

“Ini lebih memudahkan pemilik petak untuk melakukakan sebarang urusan jual beli bagi hartanah berskim strata di samping mewujudkan akses langsung antara pemilik hartanah membayar cukai secara terus kepada Pejabat Tanah dan Daerah (PTG),” katanya.



<b>AKHBAR</b>	<b>SINAR HARIAN</b>
<b>TAJUK BERITA</b>	<b>Padah buang kulit durian</b>
<b>MUKA SURAT</b>	<b>20</b>

# Padah buang kulit durian

*Peniaga buah berdepan hukuman denda, kenderaan disita*

NUR FARHANA ABDUL MANAN

JENJAROM

**S**eorang peniaga buah bakal berdepan hukuman denda maksimum RM1,000 selain kenderaan miliknya disita selepas dicekup membuang kulit durian di tepi Jalan SP1, Bandar Saujana Putra di sini malam Isnin lalu.

Yang Dipertua Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL), Mohamad Zain A Hamid berkata, perbuatan tidak bertanggungjawab itu berjaya dihidu anggota Penguatkuasa MDKL Cawangan Bandar Saujana Putra yang melakukan intipan bermula jam 8 malam.

Menurutnya, anggota pengu-



Dua peniaga dicekup Penguatkuasa MDKL ketika sedang membuang kulit durian di tepi jalan di Bandar Saujana Putra Isnin lalu.

at kuasa menahan dua lelaki menaiki sebuah kenderaan pelbagai guna (MPV) jenis Nissan Serena itu ketika kedua-duanya leka membuang sisa kulit durian di tepi jalan itu pada jam 12.40 malam.

"Hasil soal siasat mendapati mereka menjalankan peniagaan

durian di kawasan berhampiran tanpa kebenaran MDKL.

"Bagi kesalahan tersebut, peniaga ini dikenakan notis kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil (4), Undang-Undang Kecil Pemungutan, Pembuangan Dan Pelupusan Sampah Sarap, Majlis Daerah Kuala Langat 2007," katanya.

Mohamad Zain berkata, barangan jualan dan kenderaan peniaga terbabit disita di bawah Undang-Undang Kecil (21) (1), Undang-Undang Kecil Pemungutan, Pelupusan dan Pelupusan Sampah-sarap, Majlis Daerah Kuala Langat 2007.

Katanya, peniaga terbabit bo-

leh dikenakan denda sebanyak RM2,000 dan MDKL sedang mengkaji untuk mengambil tindakan mahkamah seterusnya.

"Kami kecewa dengan sikap tamak dan rakus peniaga mengaut keuntungan tanpa memikirkan cara menangani isu pelupusan sampah dengan betul.

"Perbuatan terbabit (membuang sampah haram) menyumbang kepada wujudnya lokasi sampah haram dengan lebih berleluasa.

"Justeru, MDKL sentiasa menggerakkan anggota penguat kuasa setiap hari bagi membuat pemantauan dan berharap kerjasama orang ramai menyalurkan maklumat mengenai aktiviti sampah haram," katanya.

Beliau berkata, MDKL telah menyediakan tapak perniagaan di Jalan SP1, SP4 dan SP8, Bandar Saujana Putra bagi peniaga yang ingin menjalankan perniagaan buah bermusim.

Katanya, peniaga hendaklah terlebih dahulu membuat permohonan permit bagi menjalankan perniagaan tersebut.



## KERATAN AKHBAR 20 JUN 2019 (KHAMIS)



AKHBAR	SINAR HARIAN
TAJUK BERITA	800 unit Rumah Selangorku bakal dibina di Ampang
MUKA SURAT	22

22

KHAMIS 20 JUN 2019 • SINAR HARIAN

### SENTRAL

HUBUNGI SKUAD SENTRAL NUR FARHANA ABDUL MANAN- 019-6680275, NIK AMIRULMUMIN NIK MIN 019-9882695, NORAFIZA JAAFAR - 019-6680258, HIDAYAH HAIROM - 019- 6680281

## 800 unit Rumah Selangorku bakal dibina di Ampang

AMPANG - Sebanyak 800 unit Rumah Selangorku bakal didirikan di Lembah Jaya di sini sebaik projek Lebuh raya Lembah Klang Timur (EKVE) siap dijangka Julai 2020.

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Perumahan dan Kehidupan Bandar Selangor, Haniza Mohamed Talha berkata, beliau berpuas hati dengan lokasi projek yang berhampiran kemudahan awam komersil dan klinik serta dikelilingi pemandangan alam semula jadi.

Menurutnya, projek

di bawah pemaju Ampang Height Holding Sdn Bhd itu juga bakal melibatkan pembangunan bercampur di atas tanah berkeluasan 60 hektar melibatkan kos rumah rendah, sederhana dan juga berpendapatan tinggi.

"Saya harap keindahan yang ada di sekeliling kawasan ini seperti hutan simpan rekreasi, tasik dikedakkan dan memasukkan pembangunan mesra alam tanpa merosakkan alam sekitar.

"Sebanyak dua blok rumah kelas C dengan keluasan 800 kaki persegi bakal dibangunkan khas buat

warga Ampang. Saya berharap pembangunan perumahan ini seiring dengan peluang pekerjaan buat penduduk sekitar sini," katanya sewaktu lawatan tapak Rumah Selangorku Ampang Height semalam.

Beliau berkata, kawasan itu berpotensi membentuk bandar baharu dan rumah kediaman selepas siapnya projek lebuh raya itu.

"Selepas siap pembinaan lebuh raya barulah kontraktor akan memulakan kerja tapak. Ia bagi mengelak gangguan awam.

"Bagaimanapun, kebarangkalian merancang telah dikemukakan selain kerja



Haniza (dua dari kiri) mendengar penerangan ringkas daripada wakil pemaju sewaktu lawatan tapak Rumah Selangorku Ampang Height semalam.

membuat jalan di kawasan projek ke laluan masuk lebuh raya.

"Saya berharap pemba-

ngunan ini seimbang dan saya telah meminta kepada pemaju supaya setiap kemudahan yang dibina di

kawasan ini tidak bersifat eksklusif dan boleh diakses kepada orang awam," katanya.